

Coffee Terrace Kembali dengan Bufet Makan Malam Ikonik “The Nostalgic Spread”

Genting Highlands, 13 Ogos 2026 – Sesetengah cita rasa tidak pernah dilupakan, sebaliknya kekal dalam ingatan dan menanti untuk ditemui semula. Selepas beberapa tahun tidak ditawarkan, bufet makan malam ikonik Coffee Terrace kini kembali menerusi “The Nostalgic Spread”, membawakan semula pengalaman menjamu selera dengan kenangan nostalgia, hidangan kegemaran sepanjang zaman serta pilihan kulinari baharu. Bermula 15 Ogos 2026, bufet yang diperbaharui ini menawarkan peluang kepada para pengunjung untuk kembali berkumpul dan menikmati pelbagai hidangan istimewa yang meraikan kepelbagaian cita rasa serta detik-detik bermakna.

Menerusi pilihan menu yang berubah mengikut hari, “The Nostalgic Spread” menawarkan pelbagai hidangan merangkumi masakan warisan tempatan, sajian istimewa Cina, hidangan autentik Jepun, hidangan klasik Barat serta juadah India. Beberapa stesen hidangan istimewa tersedia sepanjang minggu, manakala pilihan hidangan tertentu akan berubah secara berkala bagi memberikan pengalaman berbeza kepada pengunjung pada setiap kunjungan.

Bufet ini meraikan kekayaan cita rasa Malaysia menerusi hidangan klasik yang menjadi kegemaran ramai, termasuk nasi ayam Hainan, ayam panggang, itik panggang, ayam char siew, laksa kari Nyonya, kuey teow goreng serta nasi goreng kampung. Pilihan hidangan ini turut dilengkapi dengan juadah tradisional seperti sate, otak-otak, satar ikan serta pelbagai pilihan kudapan tempatan.

Pengunjung turut berpeluang menikmati pelbagai pilihan hidangan Asia yang merangkumi sajian Cina dengan variasi makanan laut yang disediakan secara bergilir, pilihan sup serta hidangan istimewa masakan tumis. Pelbagai sajian Jepun turut disediakan, termasuk sashimi salmon dan tuna, aneka sushi dan maki, takoyaki, gyoza ayam, teppanyaki serta pelbagai hidangan lain. Bagi peminat makanan laut, stesen khas Seafood on Ice menyajikan pilihan seperti udang, kupang hijau New Zealand dan kerang, bersama pelbagai pelengkap yang menyelerakan.

Melengkapkan pengalaman gastronomi yang ditawarkan, pilihan hidangan Barat menampilkan sajian seperti kambing panggang, ayam barbeku, pelbagai hidangan makanan laut serta sup yang menyelerakan. Sajian India pula menawarkan nasi beraroma, naan, aneka kari, hidangan tandoori serta pelbagai sajian tradisional yang autentik. Pada setiap Jumaat dan Sabtu, pengunjung turut berpeluang menikmati hidangan panggang istimewa yang menampilkan pilihan premium seperti daging lembu panggang berempah serta kaki kambing, disajikan bersama pilihan sos dan sayur-sayuran panggang.

Pengalaman menjamu selera ini turut dilengkapi dengan pelbagai pilihan pencuci mulut, termasuk kegemaran ramai seperti ais kacang, cendol, pastri Perancis, kuih-muih Nyonya dan Melayu serta aneka manisan lain. Pengunjung juga berpeluang menikmati pilihan pencuci mulut yang dipelbagaikan dari semasa ke semasa, dengan inspirasi daripada cita rasa tempatan dan antarabangsa.

Bufet makan malam ini ditawarkan setiap hari dari jam 5.00 petang hingga 9.30 malam, pada harga RM88 untuk dewasa dan RM48 untuk kanak-kanak dari Ahad hingga Khamis. Pada hari Jumaat dan Sabtu, bufet ini ditawarkan pada harga RM108 untuk dewasa dan RM58 untuk kanak-kanak. Selain itu, pengunjung yang menjamu selera antara jam 5.00 petang hingga 6.00 petang berpeluang menikmati Promosi Early Bird pada kadar istimewa RM78 untuk dewasa, RM38 untuk kanak-kanak dan RM68 untuk warga emas.

Melengkapkan pengalaman gastronomi di Resorts World Genting sepanjang bulan Ogos ini, Food Factory memperkenalkan Bufet Food & Fruits edisi terhad yang berlangsung dari 14 hingga 31 Ogos 2026. Ditawarkan setiap hari bagi sesi makan tengah hari dari jam 12.00 tengah hari hingga 2.30 petang serta makan malam dari jam 5.30 petang hingga 9.30 malam, bufet istimewa ini mengetengahkan pilihan buah-buahan tropika premium tanpa had, disertai pelbagai sajian tempatan, Asia dan Barat yang digemari ramai.

Dengan pilihan menu yang dipelbagaikan bagi setiap sesi makan tengah hari dan makan malam, pengunjung berpeluang menikmati pengalaman menjamu selera yang berbeza pada setiap kunjungan. Keunikan bufet ini turut ditampilkan menerusi sajian durian premium tanpa had serta aneka buah-buahan tropika bermusim seperti cempedak, manggis, rambutan dan langsung. Gabungan istimewa ini menawarkan kepelbagaian cita rasa buah-buahan tempatan dalam satu pengalaman gastronomi yang menyeluruh. Bufet ini ditawarkan pada harga RM88 untuk dewasa dan RM48 untuk kanak-kanak bagi sesi makan tengah hari, manakala sesi makan malam ditawarkan pada harga RM98 untuk dewasa dan RM58 untuk kanak-kanak.

Dengan kembalinya bufet makan malam popular Coffee Terrace serta pengenalan Bufet Food & Fruits edisi terhad di Food Factory, Resorts World Genting mengalu-alukan para pengunjung untuk mengimbau kembali hidangan kegemaran mereka sambil meneroka pelbagai cita rasa baharu menerusi kepelbagaian sajian yang ditawarkan dalam satu pengalaman gastronomi yang istimewa.

Untuk maklumat lanjut, layari rwgenting.com atau ikuti platform media rasmi kami.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

publicrelations@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan

kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk menyambut ulang tahun ke-60 Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.